

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**

**NAIB CANSELOR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**12 MEI 2023 | JUMAAT | 2.30 PETANG**

**DEWAN ANJUNG SERI BUDIMAN**

Terima kasih Pengacara Majlis.

***Bismillahirrahmanirrahim.***

***ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN  
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA  
ASYRAFIL ANBIYAAI WAL MURSALIIN  
WA 'ALAAAALIHI WASOHBIGHI AJMA'IN.***

**Yang Berbahagia Datuk Razim Mohd Nor**  
Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

**Yang Berusaha Tuan Mohd Azwan Ramli**  
Pengarah Bahagian Analisa Kewangan  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Barisan Pengurusan Eksekutif dan Pengurusan Kanan  
PTJ Seliaan Naib Canselor

Pegawai-Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia; serta

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,**

**Selamat sejahtera, Salam UiTM di hatiku dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat dan kasih sayang-Nya, kita semua dapat sama-sama hadir ke Majlis Ikrar Bebas Rasuah Universiti Teknologi MARA pada hari ini.
  
2. Terlebih dahulu, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berbahagia Timbalan Pesuruhjaya Datuk Razim Mohd Nor**, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, atas kesudian

meluangkan masa bersama-sama kami dalam majlis pada hari ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

3. Penganjuran Majlis Ikrar Bebas Rasuah hari ini sangat signifikan dalam memberikan penekanan betapa pentingnya isu rasuah.
4. Dalam konteks ini, UiTM bersama pihak SPRM berpadu sinergi, lebih-lebih lagi untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan kepada pemegang taruh.
5. Melalui Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) bilangan 19 tahun 2022, Universiti bersetuju untuk menginstitusikan penganjuran Majlis Ikrar Bebas Rasuah ini apabila berlakunya pertukaran sama ada Ketua Jabatan atau penggabungan beberapa jabatan menjadi jabatan yang baharu. Malahan, tarikh 5 November pada setiap tahun juga telah ditetapkan sebagai Hari Integriti peringkat UiTM.

6. Saya pasti, inisiatif serius yang memartabatkan integriti dan memerangi rasuah ini dapat mengikat barisan Pengurusan UiTM supaya lebih telus, bertanggungjawab dan berintegriti dalam melaksanakan tugas serta menjauhkan diri daripada sebarang aktiviti rasuah sepanjang perkhidmatan.
7. Pada masa yang sama, sifat keterbukaan dan kebertanggungjawaban yang dipamerkan oleh Pengurusan UiTM, menunjukkan bahawa usaha membanteras dan memerangi rasuah bukanlah tanggungjawab eksklusif SPRM semata-mata.
8. Tanggungjawab terhadap usaha ini merupakan amanah dan tugas yang perlu dikongsi oleh seluruh warga UiTM, bagi memastikan universiti ini bebas daripada sebarang gejala rasuah dan salah guna kuasa.

## **Hadirin yang saya hormati sekalian**

9. UiTM dengan kekuatan seramai lebih kurang 18,000 staf dan 180,000 pelajar, saya yakin sekiranya kita berjaya menzahirkan akuanji kepada komitmen dalam membanteras rasuah, impaknya sangat besar kepada negara.
10. Ini adalah kerana perkhidmatan UiTM merentasi sempadan negeri dan negara yang merangkumi hal ehwal akademik, pelajar, penyelidikan, pembangunan infrastruktur dan infostruktur, alumni serta sumber manusia dan kewangan universiti.
11. Setiap warga UiTM perlu akur kepada Surat Aku Janji yang telah ditandatangani ketika mula-mula melapor diri di universiti ini, bahwasanya kita semua telah berjanji untuk mematuhi Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) sepanjang berkhidmat dengan UiTM.

12. Justeru, Ikrar Bebas Rasuah ini adalah sebagai satu janji, satu akad dan satu komitmen dalam usaha menolak rasuah di UiTM.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

13. Sebagai sebuah universiti terbesar di seluruh negara, setiap daripada warganya perlu menjaga nama baik universiti ini agar tidak tercaltar dek kerana isu yang boleh menjaskan reputasi UiTM.

14. Saya yakin, nilai ESI dan i-DART yang diterapkan kepada seluruh warga UiTM dan didokong Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggungjawab dapat memantapkan integriti bagi seluruh warga UiTM.

15. Sehubungan itu, saya berharap agar seluruh warga UiTM akan sentiasa beretika dan amanah dalam melaksanakan setiap tugas yang diberikan.

16. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat khususnya, Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor dan Jabatan Komunikasi yang telah bekerjasama dengan pihak SPRM dalam menjayakan penganjuran majlis pada hari ini.

**Sekian.**

**Wabillahitaufik      Walhidayah      Wassalamulaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**